



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

---

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 2 TAHUN 2020**

---

**PERATURAN KELAYAKAN LANGGANAN SIARAN ASTRO  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
MALAYSIA**

**30 SEPTEMBER 2020**

Diedarkan Kepada :  
Semua Pegawai dan Kakitangan  
Kementerian Belia dan Sukan  
Serta Jabatan / Agensi di bawahnya



**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
*Secretary General*  
*Ministry Of Youth And Sports*  
Aras 15, Menara KBS  
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan



Tel : +603-8871 3017/3018  
Faks : +603-8888 8719

Ruj. Kami : KBS.200-6/2/4 Jld.2(70)  
Tarikh : 30 September 2020

Diedarkan Kepada :  
Semua Pegawai dan Kakitangan  
Kementerian Belia dan Sukan  
Serta Jabatan / Agensi di bawahnya

---

## **SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 2 TAHUN 2020**

---

### **PERATURAN KELAYAKAN LANGGANAN SIARAN ASTRO KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

#### **1. TUJUAN**

Pada masa kini, tidak terdapat garis panduan khusus berkenaan kelayakan langganan siaran Astro kepada pegawai di Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Oleh itu, Peraturan Kelayakan Langganan Siaran Astro Kementerian Belia dan Sukan ini disediakan untuk menyeragamkan kelayakan langganan siaran Astro di KBS.

#### **2. KELAYAKAN LANGGANAN SIARAN ASTRO**

- 2.1 Langganan siaran Astro layak diberikan kepada pegawai dan ruang pejabat seperti berikut:
- i. YB Menteri Belia dan Sukan
  - ii. YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan
  - iii. Ketua Setiausaha
  - iv. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
  - v. Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
  - vi. Setiausaha Politik
  - vii. Setiausaha Akhbar
  - viii. Unit Komunikasi Korporat
  - ix. Lobi Pejabat YB Menteri Belia dan Sukan
  - x. Lobi Pejabat YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan
  - xi. Lobi Menara KBS
  - xii. Pusat Sumber

### 3. KADAR LANGGANAN SIARAN ASTRO

Kadar maksimum kelayakan langganan siaran Astro adalah tidak melebihi RM500.00 sebulan terhad kepada siaran berita, sukan dan dokumentari.

### 4. PENGECUALIAN

Bagi pegawai-pegawai yang tidak termasuk dalam kategori di atas dan memerlukan langganan siaran Astro atas kepentingan tugas, perlu mendapatkan perakuan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dan seterusnya mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Pengawal Kementerian Belia dan Sukan.


### 5. PEMAKAIAN

Peraturan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan, Institut serta agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan tertakluk kepada penerimaan dan peruntukan kewangan yang mencukupi.

### 6. TARIKH KUAT KUASA

Peraturan langganan siaran Astro di Menara KBS, Kementerian Belia dan Sukan ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2020**.

Tandatangan:



(DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB)  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan

Tarikh: **30** September 2020